

**BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKTOR PENGURUSAN PEPERIKSAAN**

**SOALAN LAZIM
(FREQUENTLY ASKED QUESTIONS)**

- S1. Susulan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sehingga 28 April 2020, bilakah pengajian Program Matrikulasi KPM bagi Sesi 2019/2020 tamat?**
- J1. KPM memutuskan bahawa pengajian Program Matrikulasi KPM bagi Sesi 2019/2020 ditamatkan sepenuhnya bermula pada 11 April 2020.
- S2. Apakah garis panduan dan kaedah yang dijadikan asas bagi menentukan keputusan PSPM Semester II/ IV?**
- J2. Bahagian Matrikulasi telah merujuk garis panduan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan kaedah yang diguna pakai oleh pusat asasi di Universiti Awam (UA) bagi menentukan keputusan PSPM Semester II/ IV.
- S3. Bagaimanakah keputusan Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) Semester II/ IV ditentukan?**
- J3. KPM memutuskan bahawa keputusan PSPM Semester II/ IV akan digantikan dengan keputusan Penilaian Berterusan (PB) Semester II/ IV. Ini adalah selari dengan keputusan mesyuarat Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam pada 24 Mac 2020. Gred bagi kursus adalah tertakluk kepada proses dan prosedur yang digunapakai dalam penentuan markah sempadan.
- S4. Adakah markah PB Semester I/ III digunakan bagi menentukan keputusan PSPM Semester II/ IV?**
- J4. Tidak.

S5. Bilakan keputusan PSPM Semester II/ IV adakan diumumkan?

J5. Keputusan **PSPM Semester II/ IV** akan diumumkan pada **20 Mei 2020 (Rabu)**. Pelajar boleh menyemak keputusan mulai jam 10:00 pagi melalui kaedah berikut:

a. Laman Sesawang

Layari <http://matrikulasi.moe.gov.my>
UserID: No. Matrik + 6 Digit terakhir No. Kad Pengenalan
(calon boleh muat turun slip keputusan peperiksaan)

b. SMS

MOE<jarak>MAK<jarak>NoKP & SMS ke 15888

c. Telefon (hanya selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan)

- i. Kolej masing-masing.
- ii. Bahagian Matrikulasi KPM di talian 03-8884 4083 atau 03-8884 4020

S6. Adakah pelajar dibenarkan untuk memohon semak semula keputusan PSPM Semester II/ IV?

J6. Oleh kerana keputusan PSPM Semester II/ IV menggunakan markah PB Semester II/ IV, maka tiada keperluan bagi proses semak semula keputusan peperiksaan.

S7. Adakah pelajar layak untuk mendapat Sijil Matrikulasi KPM walaupun tidak menduduki PSPM Semester II/ IV?

J7. Ya, Pelajar Sistem Dua Semester, Semester II dan pelajar Sistem Empat Semester, Semester IV layak mendapat Sijil Matrikulasi KPM kerana mematuhi syarat-syarat bagi penganugerahan Sijil Matrikulasi.

S8. Bilakah pelajar boleh mendapatkan dokumen asal transkrip dan sijil Matrikulasi?

J8. Transkrip akademik dan Sijil Matrikulasi akan dihantar kepada pelajar dalam tempoh 30 hari bekerja selepas keputusan PSPM Semester II/ IV diumumkan.

S9. Adakah keputusan PSPM Semester II/ IV ini boleh digunakan bagi memohon kursus Ijazah Pertama di Universiti Awam?

J9. Ya.

S10. Perlukah pelajar mengisi keputusan PSPM Semester II/ IV ke dalam sistem permohonan UPU?

J10. Tidak perlu. Keputusan PSPM Semester II/ IV akan disalurkan terus kepada pihak UPU oleh Bahagian Matrikulasi.

S11. Bolehkah pelajar menukar pilihan kursus di IPT (UA) selepas keputusan PSPM Semester II/ IV diumumkan?

J11. Boleh. Pelajar diberi peluang untuk membuat semakan dan mengemas kini maklumat pemilihan kursus di IPTA. Sila semak laman web dan saluran rasmi UPU untuk maklumat lanjut.

S12. Bolehkah saya memohon mengulang sesi 2020/2021 kerana tidak berpuas hati dengan keputusan sekarang?

J12. Tidak boleh. Hanya pelajar yang memperolehi status GAGAL DAN DITAWARKAN UNTUK MENGULANG sahaja dibenarkan.